

06 JUN 1996

Tepung

KERAJAAN MUNGKIN IMPORT TEPUNG GANDUM DARI CHINA

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengadakan perbincangan dengan pengilang-pengilang tepung tempatan esok mengenai kemungkinan mengimport terus tepung gandum dari China sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan bahan itu di seluruh negara.

China dapat membekalkan 20,000 tan tepung gandum dan tepung gandum halus ke Malaysia setiap bulan, kata Setiausaha Parlimen kementerian Datuk Tan Chai Ho selepas menerima kunjungan rombongan lapan anggota Syarikat Kebangsaan Bijirin, Minyak dan Barangan Makanan Import dan Eksport China di sini.

"Kami diberitahu oleh rombongan itu bahawa China mengeluarkan dua jenis tepung gandum -- tepung gandum biasa `505' dan tepung gandum halus `502'," katanya.

Beliau berkata kos tepung gandum itu adalah antara 82 sen dan 89 sen setiap kilogram, yang tidak termasuk caj pengangkutan.

Tan berkata jika perkara itu dipersetujui, Malaysia buat pertama kalinya akan mengimport terus tepung gandum sejak 1966.

Negara itu mengimport gandum daripada Canada, Australia dan Amerika Syarikat untuk dikilangkan secara tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar akan mengumumkan harga baru bagi tepung gandum esok selepas mengadakan perbincangan dengan lapan pengilang tepung tempatan.

Para pengilang itu meminta kenaikan sebanyak 40 sen bagi setiap kilogram tepung gandum, iaitu dari harga 80 sen kepada RM1.20 sekilogram, berikutan kenaikan kos pengeluaran akibat kekurangan gandum di seluruh dunia.

Mereka berpendapat bahawa harga gandum telah naik berganda dan mereka mengalami kerugian sejak dua tahun lepas. Harga gandum naik daripada RM350 setiap tan pada 1991 kepada RM450 pada 1994 sebelum meningkat lagi ke harga sekarang iaitu RM700 setiap tan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada Isnin lepas bahawa kerajaan tidak dapat mengawal kenaikan harga tepung gandum berikutan harga gandum yang mahal tetapi memberi jaminan bahawa kenaikan itu adalah menasabah. -- BERNAMA

YAI NAK